

WOMEN

TERMA DAN SYARAT YOUNG CHANGEMAKERS 2016



girls

1. PIHAK PENGANJUR

PROGRAM YOUNG CHANGEMAKERS dianjurkan oleh Pertubuhan Pembangunan Kendiri Wanita dan Gadis – WOMEN:girls (PPM-001-10-21072013) dengan kerjasama Pusat Kreatif Kanak-kanak Tuanku Bainun (PKKTB), United Nations Children's Emergency Fund (UNICEF) Malaysia dan sokongan Kementerian Pendidikan Malaysia.

2. KELAYAKAN

Sekolah-sekolah dan pihak individu boleh mencalonkan kanak-kanak yang menepati syarat-syarat kelayakan berikut:

2.1 Berusia di antara 6 hingga 15 tahun

2.2 Telah melakukan sesuatu yang telah memberikan kesan impak sosial ataupun memberikan inspirasi kepada masyarakat dan komuniti di dalam bidang-bidang berikut:

- Alam Sekitar
- Cabaran Hidup
- Kemahiran meliputi Akademik, Sukan, Seni & Rekacipta
- Kemasyarakatan

3. TEMPOH

3.1 Program ini bermula dari 1hb Julai hingga 30hb November 2016 (dipanggil “Tempoh Program” bermula dari sini).

3.2 Penyertaan Pencalonan dibuka dari 1hb Julai hingga 30hb September 2016 (dipanggil “Tempoh Penyertaan” bermula dari sini).

3.3 Pihak Penganjur berhak meminda Tempoh Program pada bila-bila masa sahaja tanpa memberi notis terlebih dahulu.

3.4 Semua penyertaan yang diterima di luar Tempoh Penyertaan akan dibatalkan secara automatik.

WOMEN:girls

Pertubuhan Pembangunan Kendiri Wanita Dan Gadis (PPM-001-10-21072013)

Tax Exemption No: LHDN.01/35/42/51/179-6.7904

Unit 1-1 & 1-2, Office Block, Pusat Kreatif Kanak-Kanak Tuanku Bainun

48, Jalan Tun Mohd Fuad, Taman Tun Dr. Ismail, 60000 Kuala Lumpur

T +603 2106 8677 F +603 7732 3638 W www.womengirls.org

www.facebook.com/WomenGirlsinspire

WOMEN



gir

4. PENGHANTARAN PENYERTAAN & KRITERIA KELAYAKAN

- 4.1 Hanya pencalonan dan penyertaan menggunakan borang rasmi penyertaan yang dikeluarkan oleh Pihak Penganjur sah dan layak untuk ANUGERAH YOUNG CHANGEMAKERS 2016.
- 4.2 Setiap borang penyertaan yang diserahkan mestilah diisi secara individu, lengkap dengan butir-butir yang dikehendaki.
- 4.3 Jumlah penyertaan setiap calon tidak terhad. Calon boleh dicalonkan untuk projek berbeza di bawah penyertaan berbeza.

5. LIABILITI & TANGGUNGJAWAB

- 5.1 Setiap pencalonan yang disenarai-pendek (dipanggil "Calon Tokoh" bermula dari sini) akan dihubungi pada 8hb Oktober 2016 oleh Pihak Penganjur.
- 5.2 Pihak Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Pihak Sekolah yang terbabit dengan Calon Tokoh untuk ANUGERAH YOUNG CHANGEMAKERS 2016 perlu memberikan kebenaran kepada Pihak Penganjur untuk merakam dan mendokumentasikan projek dan profil mereka di antara 10hb Oktober sehingga 4hb November 2016.
- 5.3 Calon Tokoh untuk ANUGERAH YOUNG CHANGEMAKERS 2016 **WAJIB** hadir untuk majlis-majlis berikut:
 - Bengkel Persembahan & Penceritaan Calon – 19hb & 20hb November 2016
 - Majlis Penganugerahan "Majlis Anugerah" dan Kemuncak Young Changemakers di Pusat Kreatif Kanak-kanak Tuanku Bainun, Kuala Lumpur pada 21hb & 22hb November 2016
- 5.4 Calon Tokoh yang datang bersama penjaga yang bukan ibubapa dikehendaki untuk membawa Salinan Kad Pengenalan Ibu atau Bapa mereka.
- 5.5 Pihak Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Pihak Sekolah yang terbabit dengan Calon Tokoh yang disenarai-pendek untuk ANUGERAH YOUNG CHANGEMAKERS 2016 perlu memberikan pelepasan dari persekolahan kepada Calon Tokoh tersebut untuk hadir bagi majlis-majlis dan acara-acara yang dimaklumkan di atas.
- 5.6 Semua kos pengangkutan dan penginapan oleh Calon Tokoh dengan seorang Penjaga bagi menghadiri Majlis Anugerah akan dibiayai oleh Pihak Penganjur.

WOMEN: girls

Pertubuhan Pembangunan Kendiri Wanita Dan Gadis (PPM-001-10-21072013)

Tax Exemption No: LHDN.01/35/42/51/179-6.7904

Unit 1-1 & 1-2, Office Block, Pusat Kreatif Kanak-Kanak Tuanku Bainun

48, Jalan Tun Mohd Fuad, Taman Tun Dr. Ismail, 60000 Kuala Lumpur

T +603 2106 8677 F +603 7732 3638 W www.womengirls.org

www.facebook.com/WomenGirlsinspire

WOMEN



girls



6. HAK PENGANJUR

6.1 Pihak Penganjur berhak menggunakan nama dan/atau gambar Calon Tokoh untuk tujuan pengiklanan dan/atau publisiti asalkan tertakluk dibawah Garis Panduan yang ditetapkan oleh UNICEF.

6.2 Segala video dokumentasi yang merakamkan kisah dan/atau kehidupan Calon Tokoh akan tertakluk dibawah Garis Panduan yang ditetapkan oleh UNICEF.

7. KEPUTUSAN

7.1 Keputusan Pihak Penganjur adalah muktamad dan sebarang surat-menyurat tidak akan dilayan.

7.2 Dengan menyertai Peraduan ini, peserta bersetuju untuk mematuhi dan terikat kepada Terma dan Syarat ini serta keputusan Pihak Penganjur.

7.3 Setiap Calon Tokoh dan Pemenang Anugerah Young Changemakers dikehendaki untuk menandatangi kontrak bersama Pihak Penganjur.

WOMEN:girls

Pertubuhan Pembangunan Kendiri Wanita Dan Gadis (PPM-001-10-21072013)

Tax Exemption No: LHDN.01/35/42/51/179-6.7904

Unit 1-1 & 1-2, Office Block, Pusat Kreatif Kanak-Kanak Tuanku Bainun

48, Jalan Tun Mohd Fuad, Taman Tun Dr. Ismail, 60000 Kuala Lumpur

T +603 2106 8677 F +603 7732 3638 W www.womengirls.org

www.facebook.com/WomenGirlsinspire

[@womengirls](https://www.instagram.com/womengirls/) [@WOMENgirls_](https://www.twitter.com/WOMENgirls_)